

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN
KAWASAN : KEPALA BATAS
TARIKH : 25.11.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 15

SOALAN:

YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan kesediaan Malaysia menempuh suasana ekonomi berteraskan *ASEAN Economic Community* (AEC). Apakah ada kajian menyeluruh dibuat mengenai tahap kesediaan Malaysia sebagai negara; mahupun kemampuan industri strategik kita berdepan dengan kerangka ekonomi serantau ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community – AEC*) merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan integrasi ekonomi di rantau ASEAN bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya untuk menjadikan rantau

ini sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif. Proses integrasi ekonomi ASEAN telah bermula sejak lebih dua dekad yang lalu dengan termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Memperkukuhkan Kerjasama Ekonomi ASEAN pada Januari 1992. Proses integrasi ekonomi ASEAN telah diperkukuhkan lagi melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community (AEC) Blueprint*) yang disokong oleh Ketua-Ketua Negara Anggota ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 pada tahun 2007. *AEC Blueprint* merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan integrasi ekonomi ASEAN untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya dalam menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif. Tiga (3) skop utama AEC adalah integrasi perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Beberapa langkah-langkah utama telah dan sedang dilaksanakan Kerajaan untuk memastikan pelbagai peringkat masyarakat di Malaysia bersedia untuk menghadapi kewujudan AEC iaitu:

- (i) semua proses liberalisasi di bawah AEC dijalankan secara berperingkat bagi memastikan kesemua pihak dapat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan persekitaran perniagaan;

- (ii) pelbagai program telah disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SME Corp.), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya dalam melaksanakan program-program pembangunan modal insan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khidmat nasihat maklumat pasaran serta bantuan pembiayaan perniagaan. Bantuan-bantuan ini adalah perlu bagi memastikan usahawan Malaysia dapat bersaing secara domestik dan serantau;

- (iii) memastikan rakyat Malaysia khususnya usahawan tempatan sedar mengenai kewujudan AEC melalui pelbagai program kesedaran (*awareness programme*). Sebanyak 40 sesi taklimat mengenai AEC telah dianjurkan pada tahun 2013. Sehingga 29 September 2014, sebanyak 59 program kesedaran AEC telah dijalankan bagi tahun 2014 dan dijangkakan sebanyak 85 program kesedaran AEC akan dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Program kesedaran ini disasarkan kepada komuniti perniagaan dan kumpulan-kumpulan profesional dan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai peluang-peluang di bawah AEC. Program yang sama juga turut dijalankan untuk masyarakat umum termasuklah belia, pelajar institusi-institusi pengajian tinggi dan badan-badan bukan kerajaan. Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi

meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia menjelang pewujudan AEC pada akhir tahun 2015;

- (iv) misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara anggota ASEAN juga dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli perniagaan termasuk syarikat-syarikat multinasional dan PKS di Malaysia mengenai peluang-peluang perniagaan sedia ada di bawah AEC dan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ASEAN. Sehingga Oktober 2014, sebanyak 27 misi perdagangan ke negara-negara anggota ASEAN telah dilaksanakan; dan
- (v) Kerajaan juga berkerjasama rapat dengan majlis-majlis perniagaan Malaysia di luar negara. Di ASEAN, majlis-majlis perniagaan ini wujud di Indonesia, Thailand, Myanmar, Singapura, Vietnam dan Kemboja. Kerajaan menyarankan agar usahawan-usahawan tempatan dapat berinteraksi dengan majlis-majlis perniagaan ini supaya dapat memahami dan seterusnya membuat perdagangan dan pelaburan berkesan di negara-negara tersebut.

3. Kerajaan sentiasa mengadakan konsultasi dengan *stakeholders* sebelum bersetuju kepada mana-mana komitmen di bawah AEC. Kebanyakan industri tempatan adalah kompetitif dan mempunyai berdaya saing manakala bagi industri-industri yang mempunyai kadar persaingan yang tinggi seperti industri automotif, besi dan keluli, Kerajaan akan

bekerjasama dengan industri-industri tersebut untuk meningkatkan daya saing mereka melalui pelbagai program teknikal dan bina upaya.

4. Dengan jumlah penduduk sebanyak 30 juta orang di Malaysia, pasaran Malaysia adalah terhad dan syarikat-syarikat Malaysia perlu meluaskan operasi mereka ke pasaran rantau atau global. Dalam perkara ini, pasaran ASEAN dengan jumlah penduduk 620 juta menawarkan satu pasaran yang agak menarik bagi syarikat-syarikat Malaysia. Sehingga kini dianggarkan lebih daripada 500 buah syarikat Malaysia sedang beroperasi di negara-negara anggota ASEAN termasuklah AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress. Pelaburan Malaysia ke ASEAN merangkumi pelbagai sektor termasuk sektor perkilangan, kewangan, perladangan, pembinaan, tenaga dan hotel. Beberapa syarikat Malaysia juga telah diberi kepercayaan oleh negara-negara anggota ASEAN yang lain untuk membina lebuh raya, pusat pentadbiran, kondominium dan pusat membeli-belah di negara mereka. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Malaysia adalah kompetitif dan berdaya saing di rantau ini.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Integrasi ekonomi ASEAN telah membawa kesan positif kepada rantau ASEAN amnya dan Malaysia khususnya. ASEAN kini dilihat sebagai destinasi utama pelaburan langsung asing (*foreign direct investment – FDI*). FDI ke ASEAN pada tahun 2013 berjumlah US\$122.4 bilion, meningkat sebanyak 7.1 peratus berbanding tahun 2012. Daripada jumlah ini, sebanyak US\$12.3 bilion telah dilaburkan di Malaysia, dimana jumlah

ini adalah yang keempat tertinggi selepas Singapura, Indonesia dan Thailand.

6. Negara-negara anggota ASEAN merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia dimana 27.4 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia adalah dengan negara-negara anggota ASEAN. Jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara anggota ASEAN pada tahun 2013 adalah sebanyak RM374.7 bilion, meningkat sebanyak 4.6 peratus berbanding tahun 2012. Bagi tujuh bulan pertama 2014, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara anggota ASEAN adalah sebanyak RM226.88 bilion.

7. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN pada tahun 2013 meningkat sebanyak 7.2 peratus kepada RM201.81 bilion berbanding tahun 2012. Import Malaysia dari ASEAN pada tahun 2013 pula meningkat sebanyak 1.7 peratus kepada RM172.9 bilion berbanding tahun 2012.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Berdasarkan konsultasi-konsultasi yang telah dijalankan, Kerajaan menerima maklum balas daripada sektor swasta supaya Malaysia terus mengambil peranan utama dalam usaha untuk mempercepatkan liberalisasi ekonomi di rantau ASEAN dan menghapuskan halangan-halangan bukan tarif serta lain-lain aktiviti liberalisasi ekonomi ASEAN. Mereka berpandangan bahawa dengan peningkatan jumlah penduduk kelas pertengahan yang kini dianggarkan berjumlah 120 juta pendudu, ini jelas menunjukkan bahawa pendapatan negara kasar di rantau ASEAN

amnya dan Malaysia khususnya telah meningkat, sekaligus menunjukkan bahawa kuasa beli di rantau ini semakin tinggi. Oleh itu, mereka berpandangan bahawa integrasi ekonomi melalui pewujudan AEC ini akan membawa kebaikan dan memanfaatkan negara.

9. Kajian awal juga menunjukkan bahawa perbelanjaan bagi pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur serta perhubungan di antara negara-negara anggota ASEAN dijangka akan melebihi US\$100 bilion bagi tempoh 5 tahun akan datang. Malaysia merupakan salah satu daripada negara anggota ASEAN yang banyak menyumbang ke arah penyatuan ASEAN dengan membekalkan perkhidmatan profesional seperti jurutera dan juruukur kepada pembinaan laluan tren dan mengeksport produk-produk bagi tujuan yang sama. Hal ini ternyata menunjukkan bahawa Malaysia bersedia untuk menghadapi AEC dan industri-industri di Malaysia akan menyahut cabaran pembukaan ekonomi ASEAN pada tahun 2015.

10. Sebagai kesimpulan, integrasi ekonomi ASEAN secara berperingkat sejak tahun 1993 telah membolehkan syarikat-syarikat Malaysia membuat persiapan serta penyelarasan yang sewajarnya bagi menghadapi cabaran pembukaan pasaran Malaysia menjelang pewujudan AEC pada hujung tahun 2015. Mereka juga akan terus meningkatkan kualiti dan daya saing masing-masing untuk membuktikan kemampuan mereka untuk bersaing di rantau ASEAN dan seterusnya di pasaran global.